



KESIHATAN DAN KECANTIKAN: AMALAN PENJAGAAN KULIT SECARA TRADISIONAL DALAM KALANGAN WANITA CINA PERANAKAN KELANTAN

(Health and Beauty: Traditional SkinCare Practices among Peranakan Chinese Women of Kelantan)

Nik Nur Azizah Nik Halman^{1*}, Azlina Abdullah¹, Novel Lyndon¹

¹Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding Author Email: niknurazizah4488@gmail.com

Received: 21 April 2022 • Accepted: 25 April 2022 • Published: 30 April 2022

Abstract

The Kelantan Peranakan Chinese community is a sub-ethnic group that is rich in traditional practices and is maintained to this day. Women from these minorities still practice various traditional practices, especially in the aspects of skin health and beauty care. The effects of migration and urbanization have caused this traditional practice to become extinct among the younger generation due to the difficulty in obtaining reference sources when many elderly people in the village died without inheriting their traditional knowledge. Thus, the main purpose of this study is for the documentation and in-depth exploration of traditional skin health and beauty practices. The qualitative research approach was through interviews and observations conducted in a preliminary study and involved five informants in selected Peranakan Chinese villages. The results of the study have successfully documented the skin health and beauty care practices that are often practiced by women. Among their practices is the use of aloe vera leaves with rock sugar, 'Bunga Jam 12', egg whites and honey, and the consumption of 'cekur' and turmeric. The methods of use and recommended intake of each of these natural ingredients are also explained in detail. The findings of this study contribute to the Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia in planning efforts to preserve and preserve the traditional practices of the Kelantan Peranakan Chinese sub-ethnic. In addition, it also serves as a guide to the younger generation who want to learn and apply their traditional practices one day.

Keywords: Health and beauty; Traditional practices; Skincare; Peranakan Chinese women

Abstrak

Masyarakat Cina Peranakan Kelantan merupakan satu sub etnik yang kaya dengan amalan tradisi dan dikekalkan sehingga hari ini. Kaum wanita daripada kaum minoriti tersebut masih mempraktikkan pelbagai amalan tradisi, khususnya dalam aspek penjagaan kesihatan dan kecantikan kulit. Kesan dari migrasi dan urbanisasi menyebabkan amalan tradisi ini semakin pupus dalam kalangan generasi muda kerana kesukaran mendapatkan sumber rujukan apabila ramai golongan tua di kampung meninggal dunia tanpa mewariskan ilmu tradisi mereka. Justeru, tujuan utama kajian ini ialah untuk pendokumentasian dan penerokaan mendalam tentang amalan-amalan penjagaan kesihatan dan kecantikan kulit secara tradisional. Pendekatan kajian berbentuk kualitatif melalui temu bual dan pemerhatian yang dilakukan dalam satu kajian awal dan melibatkan lima orang informan di perkampungan Cina Peranakan yang telah dipilih. Hasil kajian telah berjaya mendokumentasikan amalan penjagaan kesihatan dan kecantikan kulit yang kerap diamalkan oleh golongan wanita. Antara amalan mereka adalah penggunaan daun lidah buaya bersama gula batu, 'Bunga Jam 12', putih telur dan madu, pengambilan cekur serta kunyit muda. Cara-cara penggunaan dan cadangan pengambilan setiap bahan semula jadi tersebut turut dijelaskan secara terperinci. Dapatan kajian ini menyumbang kepada Pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dalam merancang usaha untuk memelihara dan melestarikan amalan tradisi sub etnik Cina Peranakan Kelantan. Di samping itu, ia juga menjadi sebagai panduan kepada generasi muda yang ingin mempelajari dan mengaplikasikan amalan tradisi mereka satu hari nanti.

Kata kunci: Kesihatan dan kecantikan; amalan tradisi; penjagaan kulit; Wanita Cina Peranakan

Cite as: Nik Halman, N.N.A., Abdullah, A., Lyndon, N. (2022). Health and Beauty: Traditional SkinCare Practices among Peranakan Chinese Women of Kelantan. *Asian People Journal*, 5(1), 169-178.

PENGENALAN

Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum yang hidup dalam keadaan aman dan damai. Tiga kaum yang paling utama di Malaysia ialah Melayu, Cina dan India. Cina Peranakan merupakan sekumpulan subetnik Cina yang memperlihatkan ciri-ciri budaya dan identiti yang tersendiri (Tan et al., 2014). Istilah Cina Peranakan selalu digunakan bagi merujuk kepada Orang Cina di Malaysia yang mengalami akulturasi dengan masyarakat Melayu dan pengaruh persekitaran tempatan. Istilah ini pada mulanya dipakai apabila merujuk kepada komuniti Cina Baba dan Nyonya di Negeri-negeri Selat yang terdiri dari masyarakat Cina Melaka, Pulau Pinang dan Singapura (Mohd Shahrul, 2013).

Kewujudan subetnik Cina ini boleh ditelusuri melalui penghijrahan para imigran Orang Cina ke Tanah Melayu. Penghijrahan Orang Cina telah membuka peluang interaksi sosiobudaya secara kerap, telah menyumbang kepada akulturasi Orang Cina oleh penduduk tempatan, menjadi Cina Peranakan (Tan et al., 2014). Walau bagaimanapun, Cina Peranakan di negara ini masih mengekalkan identiti asal mereka sebagai etnik Cina menerusi budaya tradisional dan amalan agama yang diwarisi daripada nenek moyang mereka (Tan et al., 2017). Keunikan pemupukan identiti ini dapat ditonjolkan melalui aspek penjagaan kesihatan secara tradisional yang masih

diamalkan pada hari ini. Sebahagian besar daripada kaum wanita sub etnik tersebut masih mempraktikkan pelbagai amalan tradisi, khususnya dalam aspek penjagaan kesihatan dan kecantikan kulit. Bagi wanita Cina Peranakan Kelantan, mereka percaya bahan semulajadi adalah “skincare” terbaik berbanding dengan produk-produk yang banyak dijual di pasaran.

Walau bagaimanapun, amalan ini semakin dipinggirkan oleh wanita Cina Peranakan generasi baru disebabkan migrasi mereka ke bandar-bandar besar dan mereka hidup dengan lambakan pelbagai produk kesihatan dan kecantikan daripada seluruh dunia. Hal ini menyebabkan mereka kian melupakan amalan tradisi yang ditinggalkan oleh nenek moyang mereka (Ab Razak, 2018). Melihat kepada kesan pembangunan yang memberi impak kepada sosiobudaya tempatan, amalan-amalan tradisional ini dikhuatiri akan hilang ditelan arus pemodenan (Ibrahim, 2006). Natiujahnya, generasi muda membesar dalam era pemodenan dan mereka semakin kurang mengamalkannya (Thomas & Coleman, 2004). Hal ini kerana, mereka kurang pengetahuan tentang ilmu penjagaan kesihatan tradisional dan mereka tidak tahu bagaimana untuk mencari sumber-sumber semulajadi yang digunakan oleh nenek moyang mereka (Siti, 2016). Mereka lebih cenderung untuk mendapatkan produk penjagaan kesihatan dan makanan tambahan yang senang diperolehi di institusi-institusi kesihatan seperti klinik, hospital, farmasi, kedai kesihatan mahupun dibeli secara atas talian (online) (Uniyal et al., 2006).

Isu ini dilihat lebih kritikal apabila semakin ramai wanita generasi tua yang dianggap pakar dalam penjagaan kesihatan tradisional meninggal dunia tanpa mewariskan ilmu tradisi mereka kepada cucu cicit mereka. Justeru, ilmu tradisi ini dikhuatiri tidak akan mempunyai kesinambungan dan dibiarkan berlalu begitu sahaja. Justeru, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mendokumentasikan amalan-amalan penjagaan kesihatan dan kecantikan kulit secara tradisional yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat Cina Peranakan Kelantan.

Sorotan Literatur

Cina Peranakan

Masyarakat Cina Peranakan di Malaysia memperlihatkan identiti yang amat berbeza daripada masyarakat Cina jati dan melahirkan sekumpulan subetnik Cina yang tersendiri (Tan Yao Sua et al., 2017). Identiti mereka terhasil daripada gabungan identiti yang telah dipupuk menerusi amalan budaya tempatan. Menurut Tan Yao Sua et al., (2017) lagi, majoriti nenek moyang orang Cina di negara ini adalah terdiri daripada golongan imigran Cina dari wilayah Fujian, (selatan Cina) yang datang berhijrah ke Tanah Melayu bagi mencari peluang pekerjaan, baik sebagai pedagang (kebanyakan datang sebelum abad ke-19) mahupun sebagai buruh kasar (kebanyakan datang selepas abad ke-19), seterusnya membuat keputusan untuk bermastautin di Tanah Melayu. Namun, berbeza dengan masyarakat Cina jati, masyarakat Cina Peranakan sebenarnya merupakan hasil akulturasi yang terhasil daripada interaksi sosial yang kerap dengan penduduk Melayu tempatan dan juga penduduk-penduduk tempatan yang lain. Dalam hal ini, perkahwinan campur dengan penduduk tempatan merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada berlakunya akulturasi dan ia adalah perkara yang biasa berlaku, terutamanya pada sebelum abad ke-19 ekoran daripada kekurangan imigran Cina di Tanah Melayu pada ketika itu (Tan Chee Beng, 2000).

Cina Peranakan Kelantan

Menurut Chew Hock Tong (1993), masyarakat Cina di Kelantan merupakan komuniti kedua paling ramai di negeri Kelantan. Mereka boleh dibahagikan kepada dua iaitu Cina Bandar dan Cina Kampung yang juga dikenali sebagai Cina Peranakan. Golongan Cina Peranakan ini merupakan keturunan Cina yang berhijrah ke Kelantan pada awal abad ke 15 dan mereka berasal dari Hokkien. Mereka menetap di tebing sungai dan melakukan kerja-kerja pertanian. Menurut Chew lagi, Cina Peranakan dan Cina Bandar merupakan etnik yang sama, sama-sama terdiri

daripada keturunan Cina, tetapi dari segi budaya hidup mempunyai jurang perbezaan yang tinggi. Mohd Nazri et al. (2011) menjelaskan bahawa masyarakat Cina Peranakan telah mengamalkan campuran budaya samaada secara lisan mahupun melalui perbuatan mereka. Tradisi lisan dalam masyarakat ini boleh dinilai satu persatu seperti dalam bentuk amalan penjagaan kesihatan dan perubatan, cara berpakaian, makanan, bahasa, kraftangan dan kesenian.

Penjagaan Kesihatan dan Kecantikan Tradisi Masyarakat Cina

Penjagaan kesihatan dan kecantikan tradisional bagi masyarakat Cina bermula apabila masyarakat Cina mula mengalami masalah penyakit dan mereka berusaha untuk mencari cara bagi mengelakkan dan menyembuhkan diri mereka daripada penyakit-penyakit tersebut (Ab Razak, 2018). Lazimnya, mereka akan menggunakan flora, fauna dan mineral tertentu untuk mengubati pesakit. Mana-mana ramuan yang mujarab akan menjadi ramuan utama. Terdapat juga senaman mahupun pergerakan yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Dalam erti kata lain, mereka bergantung sepenuhnya kepada penggunaan bahan-bahan semulajadi tanpa penggunaan bahan kimia atau mesin sepanjang tempoh perawatan dan penjagaan kesihatan (Ab Razak, 2018). Menurut McKenzie (1999), bahan semulajadi seperti tumbuh-tumbuhan atau herba dikenali sebagai Phytomedicines yang mengandungi bahan aktif bagi tumbuhan herba tertentu yang boleh diambil dalam bentuk serbuk, pati mahupun cecair. Dalam usaha untuk merawat, mencantikkan dan menjaga kesihatan seluruh tubuh badan, masyarakat Cina memberikan penekanan terhadap penggunaan pelbagai bahan semula jadi dapat memberikan pelbagai khasiat yang berbeza kepada badan manusia.

METODOLOGI

Pendekatan yang dipilih untuk diaplikasikan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif boleh didefinisikan sebagai satu prosedur penyelidikan yang menghasilkan gambaran data yang boleh difahami (Lexy, 2007). Dalam kajian ini, penggunaan pendekatan kualitatif adalah lebih bersesuaian untuk digunakan bagi mengkaji tentang aspek penjagaan kesihatan dan kecantikan kulit secara tradisional dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan di Kelantan. Kekuatan kualitatif menyebabkan pengkaji memilih pendekatan ini untuk membantu dalam proses pengumpulan data.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih kajian fenomenologi sebagai reka bentuk kajian. Hal ini demikian kerana, fenomenologi merupakan satu ilmu yang berorientasi untuk mendapatkan penjelasan tentang sesuatu realiti. Untuk mendapatkan maklumat tentang perkara yang ingin dikaji, pengkaji harus mengaplikasikan satu pendekatan yang membolehkan pengkaji mendapatkan sesuatu maklumat dengan sangat terperinci, misalnya melalui lisan informan. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa fenomenologi adalah reka bentuk kajian yang paling relevan untuk digunakan dalam kajian ini. Penganalisisan data pula adalah menggunakan perisian Nvivo 11.

Pengumpulan Data

Untuk mendapatkan data yang diperlukan dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan kerja lapangan di Pulau Chondong, Kelantan secara berterusan bermula 1 September 2021. Dalam proses pengumpulan data, pengkaji menggunakan dua sumber utama iaitu data sekunder dan data primer. Data sekunder diperolehi melalui kaedah pembacaan dan penyelidikan ke atas buku serta jurnal bagi meneliti konsep asas penjagaan kesihatan tradisional dalam kajian-kajian terdahulu berkaitan masyarakat Cina Peranakan dan amalan penjagaan kesihatan yang diamalkan oleh mereka dari dulu sehingga hari ini.

Dalam konteks data primer, data ini diperoleh apabila pengkaji membuat pengumpulan maklumat berdasarkan proses temu bual dan pemerhatian yang melibatkan enam orang informan di kawasan kajian dan kawasan sumber pertama kajian iaitu masyarakat Cina Peranakan di Pulau Chondong, Kelantan. Penempatan masyarakat Cina Peranakan tersebut ditunjukkan dalam Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Penempatan Cina Peranakan di Pulau Chondong, Kelantan

HASIL DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Untuk mencapai tujuan kajian, pemerhatian dan temu bual mendalam telah digunakan untuk menjelaskan dan mendokumentasikan amalan penjagaan kulit secara tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Cina Peranakan Kelantan.

Lidah Buaya dan Gula Batu

Lidah buaya atau aloe vera merupakan tanaman yang sangat lazim digunakan oleh masyarakat Cina Peranakan dalam usaha untuk menjaga kesihatan dan kecantikan kulit. Lidah buaya merupakan tanaman yang tergolong dalam kelompok xanthorrhoeaceae dan termasuk dalam genus aloe. Bentuk tumbuhan ini kelihatan seperti kaktus namun isi dari daunnya sangat berlendir. Sub etnik Cina Peranakan menggunakan lidah buaya untuk menghilangkan parut akibat jerawat, luka dan kesan melecur. Di samping itu, mereka menggunakan tumbuhan ini untuk melembapkan dan menyegarkan kulit wajah. Lidah buaya memiliki banyak manfaat untuk kulit kerana mengandungi protein, lemak, karbohidrat, kalsium, foston, zat besi, vitamin A, B1, dan C.

Gula batu atau dikenali sebagai rock sugar merupakan bahan yang sering dicampur bersama isi lidah buaya dan di rebus selama lebih kurang setengah jam menggunakan api perlahan untuk menghasilkan satu ramuan kecantikan wajah. Gula batu dihasilkan daripada air tebu yang dikristalisasi tanpa pemurnian dan kaya dengan pelbagai vitamin, mineral dan asam amino. Hasil rebusan dua bahan tersebut akan menghasilkan satu cecair pekat atau gel yang berfungsi untuk mengembalikan keserian wajah. Lazimnya cecair pekat ini akan diminum atau dijadikan sebagai masker wajah. Hasil rebusan ini boleh diminum pada bila-bila masa manakala masyarakat Cina Peranakan lazimnya akan menjadikannya sebagai masker wajah pada waktu malam. Tiada sukatan tertentu untuk penggunaan kedua-dua bahan ini kerana pengguna boleh menentukan sendiri mengikut kepekatan yang mereka kehendaki.



Rajah 2: Penyediaan lidah buaya dan gula batu




Rajah 3: Isi lidah buaya dikeluarkan dan direbus bersama gula batu

‘Bunga Jam 12’ (Bakawali)

Bunga bakawali atau *epiphyllum anguliger* dan juga dikenali sebagai ‘Bunga Jam 12’ dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan Kelantan adalah salah satu tumbuhan yang digunakan oleh mereka untuk menjaga kesihatan dan kecantikan kulit. Bunga bakawali adalah tergolong dalam kumpulan kaktus dan merupakan sejenis bunga yang unik kerana kembang hanya pada waktu tengah malam. Menurut masyarakat Cina Peranakan, bunga ini akan layu apabila terkena cahaya matahari. Ciri utama bunga ini adalah memiliki warna yang putih bersih dan kelopakannya akan mula terbuka pada pukul 9 malam dan mekar sepenuhnya pada jam 12 tengah malam. Oleh kerana itu, masyarakat Cina Peranakan memanggil bunga bakawali sebagai ‘bunga jam 12’.

Bunga bakawali dipercayai memiliki banyak khasiat terutamanya untuk mencantikkan kulit. Lazimnya masyarakat Cina Peranakan akan mengambil biji-biji halus yang terdapat dalam bunga bakawali dan disapu pada bahagian muka. Biji-biji halus tersebut dikatakan dapat menghaluskan kulit dan menyerikan wajah.



Rajah 4: Bunga bakawali atau ‘Bunga Jam 12’

Madu dan putih telur

Antara bahan semula jadi lain yang menjadi amalan masyarakat Cina Peranakan Kelantan untuk menjaga kecantikan dan kesihatan kulit adalah madu dan putih telur. Madu adalah sejenis manisan semula jadi yang dihasilkan oleh lebah jenis tertentu dan merupakan hasil daripada pengambilan nektar bunga. Madu lazimnya dicampur dengan putih telur untuk menghasilkan satu ramuan penjagaan kulit wajah dalam kalangan wanita Cina Peranakan Kelantan.

Campuran kedua-dua bahan ini akan menghasilkan satu cecair pekat yang dijadikan facial masker untuk mendapatkan tekstur kulit yang halus dan bersih. Sukatan yang lazimnya digunakan adalah sebiji putih telur dan 2 sudu kecil madu. Lalu, kedua-dua bahan ini dikacau sebati sehingga mendapat tekstur yang diinginkan. Walau bagaimanapun, pengguna boleh menentukan sendiri sukatan bahan mengikut citarasa masing-masing.



Rajah 5: Penyediaan madu dan putih telur




Rajah 6: Campuran putih telur dan madu

Kunyit muda dan cekur

Kunyit atau turmeric juga dikenali sebagai *curcuma longa* adalah sejenis tumbuhan herba yang sangat digemari oleh masyarakat cina peranakan kelantan. Lazimnya mereka menanam sendiri kunyit di sekitar kawasan kediaman mereka bagi memudahkan mereka mendapatkan kunyit muda. Mereka percaya kunyit mempunyai banyak khasiat untuk tubuh badan mereka terutamanya dalam menjaga keremajaan kulit supaya kelihatan awet muda. Kunyit mengandungi nutrisi yang diperlukan oleh kulit seperti protein, serat, vitamin c, vitamin e, potassium, kalsium, zat besi dan magnesium. Kebiasaanya mereka menjadikan kunyit muda sebagai salah satu antara ulaman utama yang dimakan bersama budu dan nasi putih.

Cekur atau juga dikenali sebagai chinese ginger, maraba atau finger root juga merupakan antara tumbuhan herba yang menjadi pilihan masyarakat cina peranakan kelantan. Menurut mereka, cekur dapat mencantikkan kulit dan membantu mereka kelihatan awet muda. Cekur dikatakan berasal dari negara china dan india. Ia merupakan sejenis herba kecil dan mempunyai daun yang berkembang secara mendatar pada permukaan tanah. Cekur tidak mempunyai batang dan memiliki saiz rizom yang kecil dan mengeluarkan sedikit aroma. Rizomnya boleh dijadikan ulaman dan dimakan bersama nasi putih dan budu sama seperti kunyit muda.



Rajah 7: Kunyit muda



Rajah 8: Cekur

KESIMPULAN

Selari dengan hasil kajian ini, kita dapat lihat bahawa masih terdapat masyarakat Cina Peranakan Kelantan yang masih mengamalkan amalan penjagaan kesihatan dan kecantikan kulit secara tradisional. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab bagi generasi muda untuk menyambung kesinambungan ilmu tradisi ini walau di mana sahaja mereka berada bagi mengelakkan ilmu tradisi ini pupus pada suatu hari nanti. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya yang merupakan pihak bertanggungjawab dalam memelihara dan melestarikan warisan tradisi sesebuah etnik boleh menggunakan kajian ini untuk merancang program pemeliharaan dan merekodkan ilmu penjagaan tradisi untuk kegunaan generasi baru kelak.

RUJUKAN

- Adem, M. S. (2017). Environmental Knowledge, Attitude and Awareness of Farmers in Chench Woreda, Gamo Gofa Zone, South Ethiopia. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 7(1), 69–76.
- Cho JH, Chang SA, Kwon HS, Choi YH, KoSH, Moon SD, Yoo SJ, Song KH, Son HS, Kim HS, Lee WC, Cha BY, Son HY & Yoon KH (2006), Long-term effect of the internet-based glucose monitoring system on HbA1c Reduction and glucose stability: a 30-month follow-up study for diabetes management with a ubiquitous medical care system. *Diabetes Care* 29, 2625–2631.
- Fauci AS, Braunwald E, Kasper DL & Hauser SL (2008), *Principles of Harrison's Internal Medicine*, Vol. 9, 17th edn. McGraw-Hill, New York, NY, pp.2275–2304.
- Kim HS & Jeong HS (2007), A nurse short message service by cellular phone in type-2 diabetic patients for six months. *Journal of Clinical Nursing* 16, 1082–1087.
- Lee JR, Kim SA, Yoo JW & Kang YK (2007), The present status of diabetes education and the role recognition as a diabetes educator of nurses in Korea. *Diabetes Research and Clinical Practice* 77, 199–204.
- McMahon GT, Gomes HE, Hohne SH, Hu TM, Levine BA & Conlin PR (2005), Web-based care management in patients with poorly controlled diabetes. *Diabetes Care* 28, 1624–1629.
- Thakurdesai PA, Kole PL & Pareek RP (2004), Evaluation of the quality and contents of diabetes mellitus patient education on Internet. *Patient Education and Counseling* 53, 309–313.